

27 JAN 1996

KOH: JAWATANKUASA KERJA PUSAT GERAKAN RESTUI KEPUTUSAN KERAJAAN NEGERI

PULAU PINANG, 27 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini mengesahkan bahawa Jawatankuasa Kerja Pusat Gerakan telah merestui keputusan kerajaan negeri untuk mencalonkan anggota Dewan Undangan Negeri Kebun Bunga, Dr Teng Hock Nan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kilang Xircom di Bayan Lepas di sini, Koh bagaimanapun enggan mengulas sama ada Teng akan dilantik dan berkata pengumuman rasmi akan dibuat minggu depan.

Spekulasi mengenai jawatan itu tercetus berikutan pengumuman yang dipertua sekarang, Datuk Tan Ghim Hwa bahawa dia tidak berhasrat melanjutkan perkhidmatannya.

Tempoh perkhidmatan Tan sebagai yang dipertua MPPP berakhir pada 19 Feb.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan perlantikan Tan sebagai pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. --
BERNAMA